

UPM universiti kedua terbaik negara

Universiti Putra Malaysia (UPM) terus melakar kejayaan yang cemerlang dalam pencapaian QS *Asia University Rankings* 2021 apabila berjaya melonjakkan kedudukan dari tangga 33 tahun lepas kepada tangga 28 universiti terbaik Asia pada tahun ini. Kedudukan (ranking) itu meletakkan UPM

sebagai universiti kedua terbaik di Malaysia sekaligus mencatatkan sejarah tersendiri apabila berjaya membuat lonjakan secara berterusan bagi tempoh tujuh tahun secara berturut-turut. Merujuk kepada pencapaian dalam QS *Asia University Rankings* 2021 ini, indikator Faculty Staff

with PhD dan Inbound Exchange Student dilihat sebagai kekuatan utama UPM dengan pemarkahan 100 peratus serta indikator *Outbound Exchange Student* dengan markah 99.99 peratus keseluruhannya. Ini membuktikan tahap kualiti tinggi pegawai akademik UPM dan keberkesanan program

mobilitinya memberikan impak positif dalam mewujudkan jalinan kerjasama strategik dengan institusi antarabangsa. Naib Canselor UPM Profesor Dr Mohd Roslan Sulaiman merakamkan ucapan penghargaan kepada semua staf dan pelajar yang menyumbang kepada kejayaan UPM

dalam meningkatkan prestasi institusi pada peringkat Asia. Beliau juga berharap komitmen ini akan berterusan dalam usaha menyerlahkan lagi profil UPM dalam kalangan institusi antarabangsa. "Kenaikan lima tangga adalah sesuatu prestasi yang membanggakan

untuk UPM kerana persaingan dan prestasi agak memberangsangkan dari institusi serantau selain terpaksa menghadapi cabaran baharu dunia, pandemik Covid-19 yang sedikit sebanyak menjejaskan operasi sektor pendidikan tinggi peringkat global," katanya.